

Headline **Ibu bapa tidak boleh lepas tangan pantau akhlak anak di IPT**  
Date **20 Jul 2010**  
MediaTitle **Berita Harian**  
Section **Nasional**  
Journalist **N/A**  
Frequency **Daily**  
Circ / Read **192,982 / 1,521,000**

Language **Malay**  
Page No **31**  
Article Size **277 cm<sup>2</sup>**  
Color **One Spot Color**  
ADValue **9,298**  
PRValue **27,894**



## Ibu bapa tidak boleh lepas tangan pantau akhlak anak di IPT

Oleh Mohamad A'sim Ismail

**M**AHASISWA baru sibuk memungkah barang, membawa timba air dengan ditemani waris keluarga khususnya ibu bapa menjadi pemandangan lumrah sesi kemaskin pelajar baru ke institut pengajian tinggi (IPT) baru-baru ini.

Terlihat juga ibu bapa yang sedih melepaskan anak tinggal di asrama. Sekitar 70-an dan 80-an, kesedihan ibu bapa mungkin disebabkan beberapa faktor antaranya jarak jauh di antara kampung dan tempat pengajian anak.

Keadaan sebaliknya berlaku pada zaman globalisasi ini. Kecanggihan teknologi seperti internet mengandungi lambakan nilai buruk, pergaulan sosial lebih luas serta bebas pula akan membuka jalan kepada pelajar IPT terbabit dalam perlakuan dan eksperimen diperolehi di internet.

Ibu bapa tidak boleh lagi 'lepas tangan' secara mutlak kepada pihak kedua memantau keselamatan akhlak anak mereka. Kelayakan memasuki IPT bukan penanda aras anak mereka benar-benar matang dan bersedia menghadapi cabaran.

Ini terbukti apabila ada kes pelajar IPT yang terbabit dalam salah laku akhlak khususnya hubungan seks luar nikah atau zina yang akhirnya boleh membawa kepada gejala kelahiran anak tidak sah taraf dan pembedaan bayi.

Soal selidik dilakukan Mazlin Mohamad Mokhtar dalam kajian mengenai pengetahuan, sikap serta amalan berkaitan kesihatan seksual dan reproduksi di kalangan pelajar kolej dan universiti pada 2005 mendapati daripada 727 responden pelajar dua Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan dua Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS), seramai 50 peratus

mengaku pernah melakukan hubungan seks, 80 peratus pula tidak menggunakan bahan pencegah kehamilan.

Laporan akhbar *Berita Harian* pada 21 Mac 2010 menyatakan, berdasarkan statistik dikeluarkan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN), bilangan anak tidak sah taraf dalam tempoh 2005 hingga 2009 ialah 214,033 orang. Daripada jumlah itu, 35 peratus adalah anak Melayu.

Jika dilihat statistik, berlaku peningkatan bilangan anak luar nikah bangsa Melayu iaitu daripada 16,100 pada 2007 meningkat kepada 16,541 pada 2008 dan 17,303 (2009). Situasi itu sepatutnya membimbangkan masyarakat khususnya ibu bapa remaja kalangan pelajar IPT.

Ibu bapa kekal menjadi ketua keluarga bertanggungjawab memimpin anak bertepatan kehendak syariah sesuai sabda Nabi SAW bermaksud: "Setiap kamu

adalah pemimpin dan kamu akan dipersoalkan setiap apa-apa yang kamu pimpin." (Hadis riwayat Bukhari dan Muslim)

Walaupun anak di IPT tidak lagi tinggal sebumbung, ibu bapa sebenarnya boleh terus melaksanakan tanggungjawab didikan akhlak kepada mereka. Selain menyalurkan dana kewangan dan keperluan pengajian mencukupi, ibu bapa perlu sentiasa mengikuti perkembangan hidup mereka.

Ini boleh dilakukan dengan sentiasa berhubung dan bertanya khabar. Sekarang ini pelbagai kemudahan teknologi boleh digunakan untuk menghubungkan yang jauh termasuk sistem pengangkutan dengan kadar harga berpatutan.

Manusia secara tabiatnya akan mudah terpengaruh jika terdedah kepada sesuatu perkara dan ketiadaan pembimbing memudahkan

kan pelajar tertarik dengan pergaulan bebas, gaya hidup materialistik dan budaya hedonisme.

Jika tidak ada pihak yang prihatin dalam soal akhlak dan moral, golongan belia yang asalnya terpilih untuk mengejar kecemerlangan akademik akhirnya boleh tersasar lalu terjebak mengejar keseronokan hawa nafsu.

Ini termasuk terbabit dengan pergaulan tiada batasan, seks rambang, seks luar nikah, salah guna dadah, alkohol, kehamilan remaja, pengguguran, jangkitan kelamin, HIV dan AIDS, keganasan seksual, menjual maruah diri demi duit.

Ibu bapa yang sentiasa mengamati tahu hal anak di IPT dan pada masa yang sama menghormati kebebasan mereka sebenarnya akan menimbulkan keinsafan dalam diri anak kerana terus dihargai, dibelai dengan pimpinan, teladan serta kasih sayang.